



## KAEDAH KONTEKSTUAL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MEMBENTUK AKHLAK MURID KAFA DI DAERAH GOMBAK

### [CONTEXTUAL METHODS IN TEACHING AND LEARNING CONSTITUTE THE MORALS OF KAFA STUDENTS IN GOMBAK DISTRICT]

FAIZAH RAZI & HARUN BAHARUDIN<sup>1\*</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.  
Email: p118636@siswa.edu.ukm.my; harunbaharudin@ukm.edu.my

Correspondent Email: harunbaharudin@ukm.edu.my

---

*Received: 5 May 2024*

*Accepted: 17 May 2024*

*Published: 14 June 2024*

---

**Abstrak:** Pendidikan mampu mewujudkan manusia yang memiliki budi pekerti dan berakhlak. Pelbagai kaedah pendidikan telah dilaksanakan di sekolah dalam melahirkan insan yang berakhlak dan memiliki nilai-nilai murni yang disenangi oleh masyarakat. Tujuan artikel adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan murid tentang pengamalan akhlak. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru tentang pengamalan kaedah kontekstual yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Mengenal pasti hubungan antara kaedah kontekstual yang digunakan oleh guru dengan pembentukan akhlak murid. Pendekatan kuantitatif yang dijalankan ini melibatkan 205 responden yang terdiri daripada guru dan murid-murid di 3 buah KAFA Daerah Gombak dengan menggunakan instrumen soal selidik. Analisis deskriptif menunjukkan hasil dapatan tahap pengetahuan murid tentang pengamalan akhlak yang berfokus kepada guru dan rakan-rakan berdasarkan skor min = 3.79 pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan berkaitan tahap pengetahuan guru tentang pengamalan kaedah kontekstual sebagai pedagogi yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran menunjukkan skor min = 3.90 pada tahap yang tinggi. Manakala dapatan yang terhasil dari hubungan kaedah kontekstual yang digunakan guru dengan pembentukan akhlak murid mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai korelasi  $r = 0.51$ , nilai  $P$  adalah 0.00 dan nilai ini lebih kecil dari nilai alpha 0.01 ( $P = 0.00 < 0.01$ ). Rumusnya, pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara kontekstual sedikit sebanyak telah membantu dalam membentuk akhlak remaja masa kini. Walaupun hasil dapatan ini tinggi tidak bermakna kemenjadian dan keberhasilan murid itu dikira sebagai suatu kejayaan dan kebanggaan kerana masih terdapat perkara-perkara yang perlu dipertingkatkan lagi. Saranan kepada guru-guru Kafa agar sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan baru dalam pedagogi pengajaran dan pelbagaikan bahan bantu mengajar yang mengikut peredaran semasa tetapi masih dalam lingkungan pembelajaran dan agama Islam agar kemenjadian murid itu terhasil.

**Kata kunci:** Akhlak, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, Kaedah kontekstual, KAFA

**Abstract:** Education is able to produce human being with good character and morals. Various education methods have been implemented in schools to produce human being with morals and good values that are pleasant by the community. The purpose of the article is to identify the level of student knowledge in regards with moral practices. Identifying the level of teacher knowledge on the application of contextual methods used in teaching and learning. Identifying the relationship between contextual methods used by teachers and development of student morals. This quantitative approach involves 205

respondents consisting of teachers and students in 3 Kafa Gombak District by using a questionnaire instrument. Descriptive analysis shows the results of students' level of knowledge in regards with moral practices focused on teachers and friends are based on a mean score of 3.79 at a high level. The findings of the study related to the level of teachers' knowledge in regards with the practice of contextual methods as pedagogy used in the teaching and learning process showed a mean score of 3.90 at a high level. While the findings from the relationship between contextual methods used by teachers and the development of student morals have a significant relationship with a correlation value of  $r = 0.51$ , the P value is 0.00 and this value is smaller than the alpha value of 0.01 ( $P = 0.00 < 0.01$ ). In conclusion, the implementation of contextual teaching and learning methods has helped to some extent in shaping the morals of today's teenagers. Although this achievement result is high, it does not mean that the achievement and success of the student is considered a success and pride because there are still some matters that need to be improved. Suggestion to Kafa teachers to always try to improve new knowledge in teaching pedagogy and diversify teaching aids that are in line with current trends but still within the scope of Islamic and religious learning.

**Keywords:** Ethics, implementation of teaching and learning, Contextual Method, KAFA.

**Cite This Article:**

Faizah Razi & Harun Baharudin. 2024 Kaedah Kontekstual dalam Pengajaran dan Pembelajaran Membentuk Akhlak Murid KAFA di Daerah Gombak [Contextual Methods in Teaching and Learning Constitute The Morals of KAFA Students in Gombak District]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 4(2), 53-66.

## **PENGENALAN**

Pada masa kini, kemenjadian individu Muslim diukur berdasarkan pembelajaran di sekolah. Pelbagai cabaran yang ditempuhi dari setiap udut dalam menanganinya serta berperanan dalam menyelesaikan masalah ini serta berusaha untuk membentuk nilai-nilai akhlak terutama terhadap murid-murid yang semakin meningkat usia remaja. Gejala keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja telah mewujudkan kegusaran terhadap masyarakat. Pembangunan teknologi yang semakin pesat dan kemajuan sesebuah negara yang bergerak seiring menjadikan isu ini semakin hari semakin meningkat.

Penerapan nilai-nilai akhlak melalui proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan pelbagai kaedah agar murid-murid di sekolah mencapai tahap kefahaman yang jitu dan secara langsung dapat diaplikasikan dalam kehidupan sejagat. Pendidikan Islam adalah satu elemen penting dan wajib dibina dalam membentuk keperibadian individu. Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) merupakan salah satu medium untuk membina pengetahuan agama Islam dan pembentukan insan.

Kepentingan dalam mengajar serta mendidik murid-murid mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni, dedikasi, bertolak ansur, saling hormat menghormati menjadikan agama dan negara dipandang baik. Kurikulum di sekolah perlu diberikan penekanan dengan menambahbaik sistem pengajaran dan pembelajaran khusus dalam membentuk akhlak murid-murid di sekolah.

Oleh itu, persoalannya apakah tahap pengetahuan murid tentang pengamalan akhlak dikalangan guru-guru dan murid-murid Kafa? Apakah tahap pengetahuan guru tentang pengamalan kaedah kontekstual yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran? dan

adakah kaedah kontekstual dalam pengajaran dan pembelajaran ini mempunyai hubungan dengan pembentukan akhlak murid?

Maka, objektif penulisan ini adalah mengenal pasti tahap pengetahuan murid tentang pengamalan akhlak di sekolah. Seterusnya mengenal pasti tahap pengetahuan guru tentang pedagogi pengamalan kaedah kontekstual yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan mengenal pasti hubungan antara kaedah kontekstual yang digunakan oleh guru dengan pembentukan akhlak murid.

## **SOROTAN LITERATUR**

Silibus Pengajian Islam yang terbentuk dari kurikulum agama Islam di sekolah-sekolah rendah terutamanya, seperti di Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Rendah Integrasi (SRI), Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dan sebagainya banyak memberi pendedahan dan pengetahuan tentang agama Islam khususnya tentang pembelajaran akhlak. Terdapat kajian menunjukkan sebahagian guru Pendidikan Islam berdaya kreatif contohnya seperti pembelajaran Tajwid menggunakan kaedah *Yadun* iaitu satu inovasi dalam membantu murid-murid menguasai dan mengadaptasikan ilmu tajwid dengan lebih mudah (Hamir & Helmi, 2020). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan dapat membantu murid untuk meningkatkan keyakinan diri, memiliki daya ingatan yang kuat dan memudahkan dalam memahami apa yang dipelajari secara langsung menjadikan suasana pembelajaran lebih menarik dan tidak membosankan. Di Ireland, terdapat kajian yang menunjukkan kurikulum sesebuah sekolah mampu memupuk iklim sekolah menjadi positif dan menghasilkan minat murid untuk belajar (Maria.B et al. 2019). Ini menunjukkan kurikulum di setiap sekolah amat penting dalam menyediakan ruang kepada murid dan melibatkan murid dengan pelbagai aktiviti pembelajaran serta membuka minda mereka mengikut perkembangan semasa dengan dibatasi ajaran agama.

### **Akhlak**

Sheikh Yusuf al-Qaradhawi (2012) menerangkan perihal akhlak dalam salah satu bukunya bahawa antara ciri-ciri yang diperlukan untuk membentuk kelompok masyarakat Islam adalah melalui akhlak. Agama Islam amat menitikberatkan akhlak dalam kehidupan. Begitu juga penganut agama lain menyatakan sifat kemanusiaan terbentuk dari moral dan perilaku yang baik. (Hassan et al. 2020) Tokoh-tokoh Islam seperti Ibnu Miskawayh, Ibnu Sina, al-Ghazali serta tokoh dan pemikir Islam yang lain menyatakan pendapat bahawa akhlak manusia itu datang atau lahir dari jiwa atau hati manusia dan ianya adalah cerminan atau manifestasi kepada keadaan jiwa manusia itu sendiri. Jika jiwa seseorang itu bersih dari maksiat, maka akhlak mulia itu akan lahir dengan sendirinya.

Kajian daripada barat menyatakan bayi dan kanak-kanak menunjukkan perkembangan pada tingkah laku mereka dan ianya bersesuaian dan relevan dengan keadaan proses pembesaran mereka. Bayi dan kanak-kanak tidak dihakimi seperti orang dewasa yang melanggar moral kemanusiaan kerana setiap perbuatan yang dilakukan oleh bayi dan kanak-kanak tidak melanggar moral dan itu adalah kebiasaan bagi usia mereka (Dahl & Killen, 2018).

Jennifah (2021) dalam artikel yang diterbitkan di laman Dewan Bahasa dan Pustaka telah memetik beberapa pandangan berkaitan akhlak iaitu pertama: *“Aristotle pernah mengatakan bahawa, adab dan sopan ini lebih penting daripada makan dan minum. Kedua: daripada Hamka pula menyebutkan kecantikan yang kekal terletak pada adab dan ketinggian ilmu yang baik bagi seseorang insan dan tidak terletak pada kecantikan wajah dan elok pakaiannya. Ketiga: Nabi SAW berpesan iaitu “Jagalah dirimu sebaiknya, usahakan untuk memperoleh kemuliaan kerana pandangan manusia kepadamu bukan kerana rupa parasmu tetapi budi dan kesempurnaan adabmu.”*

### **Kaedah Kontekstual**

Definisi pengajaran dan pembelajaran Kontekstual yang dinyatakan oleh Ohio State University dan Bowling Green State University merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan guru untuk mengaitkan kandungan subjek dengan situasi keadaan semasa. Selain itu, ia memberi dorongan kepada pelajar untuk mewujudkan hubungan antara pengetahuan dan aplikasinya dalam kehidupan mereka yang berstatus ahli keluarga, warganegara, pekerja dan sebagainya.

Merawan et al. (2020) menerangkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran kontekstual ialah pendekatan pembelajaran di mana murid terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran yang berkaitan dengan situasi dunia sebenar. Pendekatan ini melibatkan tujuh komponen penting iaitu konstruktivisme, persoalan, inkuiri, komuniti pembelajaran, permodalan, refleksi dan penilaian. Setiap satu dari komponen ini mempunyai prinsip yang mesti dipertimbangkan semasa mengaplikasikannya dalam pembelajaran. Pendekatan ini serasi dengan akal kerana ia menghasilkan penjana makna yang menghubungkan kandungan pembelajaran dengan konteks kehidupan murid tersebut.

Miratu Chaeroh et al. (2020) menggambarkan aplikasi daripada pembelajaran kontekstual ini boleh membantu murid memahami konsep dan membentuk kemahiran dalam menyelesaikan masalah. Tetapi, terdapat kesukaran dalam melaksanakannya kerana ia dilihat apabila percubaan untuk meramalkan apa yang murid sedang belajar dan belum sampai ke tahap yang boleh membangkitkan semangat murid untuk berfikir secara kreatif. Hasilnya murid akan berasa bosan, tidak bersemangat dan kurang kreatif dalam mengikuti pembelajaran dan prestasinya akan menurun.

Normadiah et al. (2022) menyebutkan pembelajaran kontekstual ini pada mulanya dibangunkan oleh John Dewey pada tahun 1918. Beliau merumuskan kurikulum dan kaedah pembelajaran ini dengan mengaitkan kepada pengalaman dan minat murid. Ia merupakan asas kepada falsafah konstruktivisme dan memfokuskan kepada aktiviti pembelajaran. Tambahan lagi, pembelajaran berasaskan konteks ini merupakan kaedah inovatif yang menempatkan murid dalam suasana kehidupan sebenar dan membawa kepada mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi.

## Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)

Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) adalah kelas pengajian yang mempelajari al-Quran dan Fardu Ain. Pelaksanaannya dijalankan di premis-premis yang berdaftar dengan Agensi Agama Islam Negeri. Pendaftaran bagi murid-murid KAFA ini di antara umur 7 hingga 12 tahun. KAFA memiliki kurikulum, jadual waktu, buku teks, peperiksaan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) serta mempunyai waktu pengajaran dan pembelajaran (PDP) mengikut ketetapan dari JAKIM.

Penubuhan KAFA merupakan usaha yang dijalankan secara berterusan bagi mendidik dan mengajar murid-murid agar terbentuk mengikut acuan al-Quran dan Sunnah Baginda Nabi SAW. Tujuannya tidak lain hanyalah untuk melahirkan seorang manusia dan muslim yang dibatasi dengan agama dan memiliki penghayatan yang baik dengan cara kehidupan Islam. Huda et al. (2020) mengatakan guru-guru Kafa kebanyakannya masih mengamalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kepada guru seperti *chalk dan talk*. Tambahan lain dari kajian Huda ini menyatakan guru-guru Kafa perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pembelajaran terutama pada abad ke-21 ini. Selain itu, penambahbaikan terhadap kemahiran berkomunikasi amat bersesuaian kerana ianya dapat memberi galakan murid untuk menjadi kreatif dan menapis sebahagian pengetahuan yang dirasakan ada keraguan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (Bakar & Aderi, 2022).

Kesimpulannya, terdapat banyak kajian-kajian terdahulu yang menyebut tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran secara umum seperti kajian dari Huda et al. (2020), Bakar & Aderi (2022), Mohamad et al. (2023) dan Norma (2020). Namun, kajian-kajian tentang pedagogi menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara khusus untuk dijadikan sebagai pengamalan di dalam bilik darjah masih kurang. Justeru, penulisan ini mengetengahkan kaedah kontekstual sebagai pedagogi yang boleh dijadikan sebagai pengetahuan dan rujukan kepada guru.

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kuantitatif digunakan bagi memperoleh data dan maklumat melalui soal selidik atas talian iaitu *google form*. Pemilihan di buat secara rawak dari populasi 66 buah KAFA di Daerah Gombak dengan memilih 3 buah sekolah untuk diedarkan *form* soal selidik iaitu KAFA Integrasi al-Humaira', KAFA Integrasi al-Furqan dan KAFA Integrasi al-Firdaus.

Kelompok guru dan murid-murid tahun 5 dan 6 dari setiap 3 buah sekolah telah dipilih untuk menjawab soal selidik tersebut. Bilangan responden yang diperolehi seramai 205 orang yang terdiri daripada 113 orang dari KAFA Integrasi al-Furqan, 48 orang dari KAFA Integrasi al-Firdaus dan 43 orang dari KAFA Integrasi al-Humaira'.

Proses soal selidik ini dijalankan dengan membuat pertemuan dan berjumpa Ketua Guru dari tiga Kafa yang berbeza di sekolah masing-masing. Setelah mendapat persetujuan secara lisan, soal selidik tersebut dihantar secara atas talian melalui 3 Ketua Guru tersebut untuk disampaikan kepada kumpulan *Whatsapp* rasmi guru dan kelas tahun 5 dan tahun 6 di sekolah yang terlibat. Kumpulan *Whatsapp* kelas yang kesemuanya dikalangan Ibu Bapa diminta untuk membimbing anak-anak mereka untuk mengisi *form* soal selidik tersebut.

Soal selidik mengandungi empat konstruk iaitu Bahagian A: Demografi Responden seperti jantina, nama sekolah dan tahun bagi murid-murid. Bahagian B: Penilaian tentang pengamalan akhlak guru di Sekolah yang mengandungi 12 soalan. Bahagian C: Penilaian tentang pengamalan akhlak murid di sekolah mengandungi 12 soalan dan Bahagian D: Penilaian tentang pengamalan guru terhadap kaedah kontekstual juga mengandungi 12 soalan. Menjadikan soal selidik ini mempunyai 36 soalan kesemuanya yang perlu dijawab oleh guru dan murid-murid.

Setiap set soal selidik ini diadaptasi dari beberapa kajian lepas iaitu daripada Aderi et al. (2015), Munir (2018), Asmawati et al. (2018), dan Huda (2021). Instrumen soal selidik ini menyediakan 5 jawapan berdasarkan skala likert seperti dalam Jadual 1.1. Setiap item yang digunakan berdasarkan pengelasan dari tiga objektif utama kajian ini.

Jadual 1.1: Skala Likert

Jawapan	Skala
Tidak pernah (TP)	1
Jarang-jarang (JJ)	2
Sederhana (S)	3
Kerap (K)	4
Sangat Kerap (SK)	5

Instrumen ini telah dinilai menggunakan nilai alfa cronbach bagi mengetahui kesahan dan kebolehpercayaan setiap item soal selidik tersebut. Keputusan analisis menunjukkan instrumen soal selidik bagi pekali kebolehpercayaan antara 0.65 hingga 0.79 berada di tahap yang memuaskan. pada Jadual 1.2. Ini menunjukkan item-item instrumen boleh digunakan.

Jadual 1.2: Pekali kebolehpercayaan soal selidik

Pemboleh ubah	Nilai pekali( $\alpha$ )	N=36 Item
Pengamalan Akhlak	0.66	24
Kaedah Kontekstual	0.77	12

Pekali kebolehpercayaan ini merujuk kepada Penanda aras pekali kebolehpercayaan alpha Cronbach yang diadaptasikan oleh Chua Yan Piaw (2021) seperti di jadual 1.3:

Jadual 1.3: Penanda aras pekali kebolehpercayaan alpha cronbach

Pekali	Kebolehpercayaan	Tindakan
.96 hingga 1.00	Kurang memuaskan	Konsep dalam item instrumen atau soal selidik bertindih dan perlu diubahsuai.

.80 hingga .95	Tinggi dan memuaskan	Item-item digunakan.	sesuai
*.65 hingga .79	Memuaskan	Item-item digunakan.	boleh
.50 hingga .64	Rendah dan kurang memuaskan	Sebilangan item perlu diubahsuai dan ujian kebolehpercayaan perlu dilakukan semula.	perlu
Bawah .50	Terlalu rendah dan tidak memuaskan	Instrumen tidak digunakan dalam kajian dan perlu diubahsuai serta ujian kebolehpercayaan perlu dilakukan semula.	perlu

Sumber: Chua Yan Piaw (2021)

Setelah data diperolehi, ia dianalisis menggunakan *Statistic Package for Social Sciences* (SPSS) versi 20. Analisis deskriptif digunakan untuk menguji nilai min, kekerapan dan peratusan. Analisis ini merujuk tahap interpretasi skor min yang bersumberkan dari Pallant (2007) seperti di jadual 1.4:

Jadual 1.4: Skala Interpretasi Skor Min

Skor min	Interpretasi
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Sumber: Pallant (2007)

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1.5 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan bagi demografi responden dari 3 buah KAFA mengikut jantina, sekolah dan tahun.

Jadual 1.5: Demografi Responden

Demografi	Kekerapan (N=205)	Peratus (%)
Jantina		
Murid Lelaki	87	42.4
Murid Perempuan	99	48.3

Guru Lelaki	4	2.0
Guru Perempuan	15	7.3
Sekolah		
Kafa Integrasi al-Humaira	46	22.4
Kafa Integrasi al-Furqan	114	55.6
Kafa Integrasi al-Firdaus	45	22.0
Tahun		
5	132	30.5
6	58	69.5

Merujuk Jadual 1.5 menunjukkan seramai 87 orang (42.4%) responden dikalangan murid lelaki, 99 orang (48.3%) dikalangan murid perempuan, 4 orang (2.0%) dikalangan guru lelaki dan 15 orang (7.3%) dikalangan murid perempuan. Guru-guru dan murid yang terlibat ini dari 3 buah Kafa yang berbeza. Seramai 46 orang (22.4%) dari Kafa Integrasi al-Humaira, 114 orang (55.6%) dari Kafa Integrasi al-Furqan dan 45 orang (22.0%) dari Kafa Integrasi al-Firdaus. Bagi murid yang terlibat adalah dari tahun 5 seramai 132 orang (30.5%) dan murid tahun 6 seramai 58 orang (69.5%).

### Pengetahuan Murid Tentang Pengamalan Akhlak

Analisis taburan kekerapan dan peratusan tahap pengetahuan murid tentang pengamalan akhlak dikalangan guru dan murid Kafa berdasarkan responden melalui item dari dua konstruk iaitu B dan C yang mengandungi 24 soalan seperti di jadual 1.6:

Jadual 1.6: Pengetahuan Murid Tentang Pengamalan Akhlak

Item	Kekerapan dan Peratus				
	(TP)	(JJ)	(S)	(K)	(SK)
B1: Guru memberi salam sebelum mula belajar.	0 0%	4 2.0%	14 6.8%	51 24.9%	136 66.3%
B2: Guru mulakan belajar dengan membaca doa.	0 0%	1 0.5%	8 3.9%	51 24.9%	145 70.7%
B3: Guru mengingatkan agar menjaga akhlak sebelum memulakan pembelajaran.	1 0.5%	20 9.8%	38 18.5%	82 40.0%	64 31.2%
B4: Guru mempamerkan akhlak yang terpuji.	1 0.5%	3 1.5%	19 9.3%	75 36.6%	107 52.2%
B5: Guru menjaga akhlak sesama guru.	0 0%	2 1.0%	15 7.3%	80 39.0%	108 52.7%
B6: Guru memberi teguran dengan sopan sekiranya murid melakukan kesalahan.	0 0%	5 2.4%	37 18.0%	93 45.4%	70 34.1%
B7: Guru sentiasa menyelitkan kata-kata nasihat.	0 0%	4 2.0%	23 11.2%	84 41.0%	94 45.9%
B8: Guru mengajar menggunakan bahasa yang	0	0	8	74	123



sopan.	0%	0%	3.9%	36.1%	60.0%
B9: Guru menutup aurat dengan baik.	0	0	6	29	170
	0%	0%	2.9%	14.1%	82.9%
B10: Guru menepati masa setiap kali waktu pengajaran dan pembelajaran.	0	7	51	110	37
	0%	3.4%	24.9%	53.7%	18.0%
B11: Guru bersikap tidak sopan terhadap murid setiap kali sesi pengajaran.	153	38	3	4	7
	74.6%	18.5%	1.5%	2.0%	3.4%
B12: Guru menutup sesi pengajaran dengan membaca surah al-Asr.	8	24	29	54	90
	3.9%	11.7%	14.1%	26.3	43.9%
C1: Murid memberi salam setiap kali masuk ke kelas.	2	6	25	68	104
	1.0%	2.9%	12.2%	33.2%	50.7%
C2: Murid bermain ketika berdoa.	47	81	58	18	1
	22.9%	39.5%	28.3%	8.8%	0.5%
C3: Murid mendengar dan melakukan apa yang dinasihatkan oleh guru.	0	8	44	104	49
	0%	3.9%	21.5%	50.7%	23.9%
C4: Murid menjaga akhlak bersama guru.	0	4	31	87	82
	0%	2.0%	15.1%	42.4%	40.5%
C5: Murid memberi salam dan tunduk tanda hormat ketika bertembung dengan guru.	1	12	41	84	67
	0.5%	5.9%	20.0%	41.0%	32.7%
C6: Murid menyebut perkataan yang kurang sopan.	7	14	36	85	63
	3.4%	6.8%	17.6%	41.5%	30.7%
C7: Murid bermain sewaktu sesi pembelajaran.	36	85	60	21	3
	17.6%	41.5%	29.3%	10.2%	1.5%
C8: Murid melawan apabila di tegur/dinasihati oleh guru.	136	49	18	2	0
	66.3%	23.9%	8.8%	1.0%	0%
C9: Murid tidak menjaga akhlak dengan rakan-rakan.	4	14	59	77	51
	2.0%	6.8%	28.8%	37.6%	24.9%
C10: Murid buang sampah merata-rata.	59	77	54	11	4
	28.8%	37.6%	26.3%	5.4%	2.0%
C11: Murid tidak meminta izin jika mahu keluar kelas.	119	63	12	7	4
	58.0%	30.7%	5.9%	3.4%	2.0%
C12: Murid makan dan minum berdiri.	46	95	46	13	5
	22.4%	46.3%	22.4%	6.3%	2.4%
Keseluruhan (min= Skala Interpretasi)			3.79 = Tinggi		

Jadual 1.6 menunjukkan tahap pengetahuan murid tentang pengamalan akhlak dikalangan guru dan sesama murid secara keseluruhannya pada tahap yang tinggi dengan nilai min = 3.79. Item yang mempunyai nilai kekerapan dan peratusan yang tinggi adalah item B9 = “Guru menutup aurat dengan baik“ dengan kekerapan dan peratusan sebanyak 170 orang bersamaan 82.9% responden. Manakala item yang terendah dengan seorang responden bersamaan 0.5% melibatkan beberapa item antaranya item B2= “Guru mulakan belajar dengan membaca doa” pada skala jarang-jarang (JJ), item B3 = “Guru mengingatkan agar menjaga akhlak” pada skala tidak pernah (TP), B4 = “Guru mempamerkan akhlak yang terpuji” pada

skala tidak pernah (TP), C2 = “Murid bermain ketika berdoa” pada skala sangat kerap (SK), dan item C5 = “Murid memberi salam dan tunduk tanda hormat ketika bertembung dengan guru” pada skala tidak pernah (TP).

### Pengetahuan Guru tentang pengamalan kaedah kontekstual yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran

Analisis taburan kekerapan dan peratusan tahap pengetahuan guru Kafa tentang pengamalan kaedah kontekstual yang dijadikan sebagai pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan responden melalui item dari satu konstruk iaitu D yang mengandungi 12 soalan seperti di jadual 1.7:

Jadual 1.7: Pengetahuan Guru Tentang Pengamalan Kaedah Kontekstual

Item	Kekerapan dan Peratus				
	(TP)	(JJ)	(S)	(K)	(SK)
D1: Guru memperkenalkan tajuk pengajaran setiap kali memulakan pengajaran.	2 1.0%	4 2.0%	11 5.4%	62 30.2%	126 61.5%
D2: Guru mengajar memberi keinsafan kepada murid.	1 0.5%	3 1.5%	29 14.1%	97 47.3%	75 36.6%
D3: Guru mengaitkan isi pembelajaran dengan pengetahuan lain.	3 1.5%	12 5.9%	39 19.0%	75 36.6%	76 37.1%
D4: Guru mengajar seperti syarahan (membebel)	41 20.0%	67 32.7%	59 28.8%	20 9.8%	18 8.8%
D5: Guru sering mengemukakan pelbagai persoalan yang mencabar minda pelajar.	5 2.4%	24 11.7%	75 36.6%	67 32.7%	34 16.6%
D6: Guru meminta murid melakukan latihan/amali/ bacaan berulang kali.	7 3.4%	14 6.8%	40 19.5%	76 37.1%	68 33.2%
D7: Guru memberi contoh berkaitan dengan realiti kehidupan.	2 1.0%	9 4.4%	52 25.4%	84 41.0%	58 28.3%
D8: Guru memilih pelajar secara rawak untuk menyatakan kembali isi pembelajaran yang diajar.	1 0.5%	23 11.2%	42 20.5%	85 41.5%	54 26.3%
D9: Pelajar didedahkan dengan situasi sebenar (contoh: kesan derhaka kepada ibu bapa) di dalam kelas.	19 9.3%	14 6.8%	42 20.5%	74 36.1%	56 27.3%
D10: Guru mengajar menggunakan bahasa yang mudah difahami.	2 1.0%	0 0%	12 5.9%	70 34.1	121 59.0%
D11: Guru memberi peluang kepada pelajar mempraktikkan isi pembelajaran.	2 1.0%	8 3.9%	38 18.5%	94 45.9%	63 30.7%

D12: Guru menggunakan buku teks dan mempelbagaikan penggunaan alat bantu mengajar.	2	2	32	74	95
	1.0%	1.0%	15.6%	36.1%	46.3%
Keseluruhan (min= Skala Interpretasi)	3.90 = Tinggi				

Jadual 1.7 menunjukkan tahap pengetahuan guru tentang pengamalan kaedah kontekstual yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas keseluruhannya pada tahap yang tinggi dengan nilai min = 3.90. Item yang mempunyai nilai kekerapan dan peratusan yang tinggi adalah pada item D1 = “Guru memperkenalkan tajuk pengajaran setiap kali memulakan pengajaran” dengan nilai kekerapan 126 orang bersamaan 61.5% responden yang menunjukkan bahawa sangat kerap (SK) guru memperkenalkan tajuk pengajaran sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran. Manakala item yang rendah dengan seorang responden bersamaan 0.5% melibatkan item-item seperti D2 = “Guru mengajar memberi keinsafan kepada murid” pada skala tidak pernah (TP) dan item D8 = “Guru memilih pelajar secara rawak untuk menyatakan kembali isi pembelajaran yang diajar” pada skala tidak pernah (TP).

### Hubungan antara kaedah kontekstual dengan pembentukan akhlak murid

Analisis Korelasi hubungan antara kaedah kontekstual dengan akhlak murid melalui 2 konstruk iaitu konstruk B & C = Pengetahuan Akhlak Murid dan konstruk D = Pengetahuan guru tentang Kaedah Kontekstual seperti di jadual 1.8:

Jadual 1.7: Korelasi hubungan antara kaedah kontekstual dengan akhlak murid

Konstruk	N	r	P
Korelasi Kaedah Kontekstual Akhlak Murid	205	0.51	0.00

Signifikan pada aras 0.01

Jadual 1.8 di atas menunjukkan analisis korelasi hubungan antara kaedah kontekstual dengan akhlak murid. Dapatan ini telah menunjukkan nilai korelasi  $r = 0.51$ . Manakala nilai P adalah 0.00 dan nilai ini lebih kecil dari nilai alpha 0.01 ( $P = 0.00 < 0.01$ ). Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kaedah kontekstual yang digunakan oleh guru di dalam bilik darjah dengan pembentukan akhlak murid di mana kaedah pembelajaran berbentuk kontekstual ini memberi kesan yang positif kepada pembentukan akhlak murid-murid KAFA.

### PERBINCANGAN

Pelaksanaan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain sebagai alternatif kepada pembelajaran Pendidikan Islam di Malaysia wajar diketengahkan bagi memastikan murid-murid sekolah rendah dapat

menguasai ilmu Al-Quran dan ilmu Fardhu ain dengan baik dan diterapkan dalam kehidupan seharian mereka. Dapatan analisis yang diperolehi bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian iaitu tahap pengetahuan murid tentang pengamalan akhlak selaku individu muslim samada pengamalan akhlak dengan guru atau pengamalan akhlak sesama rakan-rakan adalah tinggi dengan nilai min = 3.79. Skala penilaian yang tinggi ini membuktikan bahawa murid-murid memiliki pengetahuan yang tinggi terhadap pengamalan akhlak selari dengan dapatan kajian daripada Saerah et.al (2019) menyatakan analisis taburan keseluruhan min bagi tahap akhlak murid berdasarkan aspek akhlak terhadap guru dan rakan-rakan adalah tinggi iaitu min = 3.93. Taburan kekerapan yang tinggi pada item B9 = “Guru menutup aurat dengan baik“ dengan kekerapan dan peratusan sebanyak 170 orang bersamaan 82.9% responden. Ini menunjukkan bahawa murid-murid mengetahui akan menutup aurat itu adalah sebahagian dari perkara yang berkait dengan akhlak di samping melihat contoh teladan yang dibawa oleh guru-guru dengan skala sangat kerap melihat guru-guru menutup aurat dengan baik.

Seterusnya, analisis terhadap pengetahuan guru tentang pengamalan kaedah kontekstual yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mempunyai dapatan nilai min yang tinggi iaitu min = 3.90. Nilai kekerapan dan peratusan yang tinggi berada pada item D1 = “Guru memperkenalkan tajuk pengajaran setiap kali memulakan pengajaran” ialah 126 orang bersamaan 61.5% responden. Dengan skala responden yang menyatakan guru sangat kerap memperkenalkan tajuk pengajaran setiap kali memulakan pengajaran merupakan salah satu dari item kaedah pengajaran kontekstual. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan Norma Jusof (2020) berkaitan Guru kerap memulakan pengajaran dengan menggunakan set induksi dengan dapatan min yang tinggi iaitu min=4.08. Ini juga menunjukkan bahawa setiap langkah pengajaran dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan persiapan dan persediaan yang teratur.

Kemudian, analisis berkaitan korelasi hubungan antara kaedah kontekstual yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran dengan pembentukan akhlak murid telah menunjukkan nilai korelasi iaitu  $r = 0.51$ , nilai P lebih kecil dari nilai alpha iaitu  $P = 0.00 < 0.01$ . Ini membuktikan bahawa kaedah kontekstual yang dijadikan sebagai pedagogi pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru Kafa mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan akhlak murid-murid Kafa. Dikuatkan dengan kajian dari Miratu Chaeroh et.al (2020) menggambarkan pembelajaran kontekstual ini boleh membantu murid untuk memahami isi pembelajaran dan kemahiran menyelesaikan masalah. Tetapi, dinyatakan juga bahawa terdapat kesukaran untuk melaksanakannya kerana memerlukan pelbagai usaha dan daya kreatif untuk membangkitkan semangat murid agar berfikir secara kreatif dalam menarik minat mereka.

Kepelbagaian kaedah pembelajaran dalam Pendidikan Islam khususnya wajar diketengahkan agar semua murid dapat memahami dan menguasai ajaran Islam sekali gus menjadi individu muslim yang berakhlak mulia. Kaedah Kontekstual merupakan salah satu dari kaedah pembelajaran yang mempunyai hubungan dengan pembentukan individu muslim itu menjadi manusia yang berakhlak. Rumusnya, Guru-guru Kafa telah melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik dengan baik. Ianya telah pun dijelaskan melalui dapatan-dapatan yang diperolehi dalam penulisan ini. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa elemen

yang perlu diperkasakan seperti kaedah penyampaian guru dan penambahan pengetahuan lain yang boleh dikongsikan kepada murid kerana murid-murid pada masa kini mempunyai daya penerokaan yang meluas. Oleh itu, diharapkan penulisan ini dapat memberikan manfaat kepada guru-guru Kafa dalam usaha untuk mendidik murid menjadi insan yang tinggi akhlnya.

## RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail. 2018. Strategi Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu. *Jurnal Perspektif*. 10(2), 11-21.
- Asmawati Suhid, Fathiyah Fakhrudin, Lukman Abdul Mutalib, Abd. Muhsin Ahmad. 2018. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam Menerapkan Nilai Akhlak Murid Banduan Muda: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3, 17-29.
- Audun Dahl & Melanie Killen. 2018. A Developmental Perspective on the Origins of Morality in Infancy and Early Childhood. *Frontiers in Psychology*. 9, 1-6.
- Chua Yan Piaw. 2022. *Buku Asas Statistik Penyelidikan*, Edisi Keempat. Terbitan McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Hamir Hamzah Jaafar & Mohamad Hilmi Mat Said. 2019. Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. 6(1), 8-17.
- Jennifah Noordin. 2021. Peranan Institusi keluarga dalam Pendidikan Adab dan Akhlak. *Dewan Masyarakat*, Artikel Jendela Dewan Bahasa Pustaka (DBP).
- Maria Bourke, William Kensella, Paula Predenville. 2019. Article of The Implementation of an Ethical Education Curriculum in Secondary Schools in Ireland. School of Education, University College Dublin, Ireland: hlm 2-18.
- Merawan, C.T., Hajidin and M Duskri. 2020. Self-regulated learning through Contextual Teaching and Learning (CTL) approach. *Journal of Physics: Conference Series*. 1-5.
- Miratu Chaeroh, St.Y. Slamet, Sandra Bayu Kurniawan. 2020. Application of Contextual Teaching and Learning Models Based on Creative Thinking in Elementary Schools. Proceedings of the 5th International Conference on Arts Language and Culture (ICALC 2020). *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, Series, No. 534. hlm 100-105.
- Mohammad Abu Bakar & Mohd Aderi Che Noh. 2022. Kepentingan Kemahiran Komunikasi Dan Personaliti Guru Pendidikan Islam Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (GPI KAFA) di Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 8(2), hlm 168-178.
- Mohammad Abu Bakar, Mohd. Aderi Che Noh, Mohd Waffi Albaraq Mokmin Basri. 2023. Tahap Serta Hubungan Amalan dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Kelas al Qur'an dan Fardhu Ain (GPI-KAFA). *International Journal of Learning and Education*. 1(1). 53-63.
- Mohd Aderi Che Noh, Khadijah Abdul Razak, Ahmad Yunus Kasim. 2015. Pendidikan Dan Pengajaran: Kajian Amalan Guru Pendidikan Islam. *Proceeding: 7th Internasional Seminar on Regional Education*. hlm 269-283.

- Norma Jusof. 2020. Tahap Kemahiran Guru Terhadap Pengajaran Berpusatkan Murid Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat II*, 22, 84-108.
- Nurmadiyah, Ismail Tolla, Baso Jabu. 2022. Design of Contextual Teaching and Learning (CTL) Model to Improve Student's Life Skills: The Development Phase in Research and Development. *Asian Journal of Applied Sciences 10(1)*, 16-24.
- Al-Qaradhawi Yusuf, Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam yang Kita Idamkan, terjemahan: Ustaz Mohamad Zaini Yahaya (Penerbitan Seribu Dinar, 2012), hlm 137.
- Saerah Karin, Adenan Ayob, Mohd Rosli Saludin, Noor Aini Ahmad. 2019. Analisis Hubungan Solat Dengan Akhlak Murid Melayu Tahun Enam Sekolah Rendah Di Daerah Jempol. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) 4 ( 21)*, 58 - 86.
- Shaik Abdullah Hassan Mydin, Abdul Salam Muhamad Shukri, Mohd Abbas Abdul Razak. 2020. Peranan Akhlak Dalam Kehidupan: Tinjauan Wacana Akhlak Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari 21*, 38-54.
- Sharifah Nabilatul Huda Syed Abdullah, Saroya Yahya & Masriyah Misni. 2020. Tahap Pengetahuan Dan Kesiediaan Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Kafa di Daerah Seremban. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat II*, 22, 42-58.
- Solhal Huda Sahidan. 2021. Adab Menuntut Ilmu: Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Norma Baharu. *International Conference on Syariah & Law Online Conference 6th April 2021*. hlm 1-12.